

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PENDIDIKAN SENI VISUAL

KAJIAN REKAAN SENI VISUAL

KERJA KURSUS

Kertas 3

Mei – November

2611/3

PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN KERJA KURSUS

2611/3 : KAJIAN REKAAN SENI VISUAL

KERTAS 3

KANDUNGAN

	Halaman
1.0 Pengenalan	3
2.0 Matlamat Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual	3
3.0 Objektif Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	4
4.0 Objektif Pentaksiran Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual	4
5.0 Rasional Pentaksiran Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual Berasaskan Elemen, Aspek dan Kriteria Penskoran	5
6.0 Maklumat Am	5
7.0 Arahan Kepada Calon	6
8.0 Arahan Kepada Guru Pembimbing	7
9.0 Bidang Cakupan	8
10.0 Elemen dan Aspek Yang Dinilai	9
11.0 Sistem Penilaian	11
12.0 Penentuan Skor	12
13.0 Lampiran	17

1.0 PENGENALAN

Buku panduan ini disediakan untuk memberi maklumat yang terperinci kepada guru dalam mengendalikan pelaksanaan Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pendidikan Seni Visual (PSV) adalah mata pelajaran **elektif** dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Setiap calon yang mendaftar mata pelajaran PSV peringkat SPM **wajib** menduduki tiga kertas iaitu **Kertas 1 (2611/1):Teori Seni, Kertas 2 (2611/2): Seni Halus dan Kertas 3 (2611/3): Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual**.

Proses pentaksiran akan dilaksanakan oleh **guru mata pelajaran dan guru pembimbing secara berterusan**. Penilaian adalah berdasarkan proses menghasilkan produk meliputi portfolio dan penghasilan produk. Pengukuran dan penskoran dilakukan berdasarkan aspek dan kriteria yang telah ditetapkan bagi menentukan gred dan keselarasan penilaian.

Pelaksanaan dan penilaian kerja kursus ini dijalankan dari bulan **Mei** hingga bulan **November** pada tahun semasa.

2.0 MATLAMAT KERJA KURSUS KAJIAN REKAAN SENI VISUAL

Pelaksanaan Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual bertujuan memenuhi matlamat Pendidikan Seni Visual yang memberi tumpuan kepada **nilai keperibadian, kreatif dan kritis, celik budaya, berpengetahuan secara imaginatif, berkemahiran secara kolaborasi dan kolektif** serta dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Pelaksanaan kerja kursus ini memberi pengalaman kepada calon untuk membuat kajian dan penerokaan kepada penemuan-penemuan baharu, mengutarakan idea-idea kreatif dan relevan dengan keperluan persekitaran. Calon dibimbing oleh guru untuk mencari, meneroka, menganalisis, mengolah serta mencerakinkan minda bagi menghasilkan sesuatu produk yang berkualiti.

Pengalaman melaksanakan kerja kursus ini dapat melahirkan generasi yang peka dan sensitif serta berfikir kreatif terhadap persekitaran dan keperluan-keperluan semasa, celik seni, berminat terhadap bidang seni visual dan berfikir terbuka serta mengamalkan sikap prihatin dan menghargai setiap kejadian alam ciptaan Tuhan dengan menerapkan nilai-nilai murni yang tinggi.

3.0 OBJEKTIF MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah bertujuan untuk:

- 3.1 Menghargai dan menghayati keindahan alam semula jadi ciptaan Tuhan melalui penghasilan karya atau produk seni.
- 3.2 Menginterpretasi karya atau produk seni dalam bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Seni Halus, Reka Bentuk, Seni Kraf dan Komunikasi Visual.
- 3.3 Menjelaskan sumbangan hasil karya Tokoh Seni Visual.
- 3.4 Mengaplikasi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam pelbagai bidang Seni Visual melalui penggunaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya atau produk seni.
- 3.5 Menganalisis hasil penerokaan melalui media, teknik dan proses dengan menumpukan aspek *designomic* dalam Pemikiran Seni Visual.
- 3.6 Menzahirkan idea dan penghasilan karya atau produk seni secara kreatif dan inovatif serta membuat dokumentasi.
- 3.7 Membuat apresiasi berpanduan Bahasa Seni Visual dan membudayakan nilai murni serta berupaya menjadi model teladan.

4.0 OBJEKTIF PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KAJIAN REKAAN SENI VISUAL

Objektif pentaksiran kerja kursus Kajian Rekaan Seni Visual adalah untuk menilai kebolehan murid:

- 4.1 Mengembangkan bakat dan potensi sedia ada secara berterusan.
- 4.2 Eksplorasi idea baru dengan kajian penyelidikan secara terperinci.
- 4.3 Memahami proses dan kaedah penghasilan sesuatu karya atau produk.
- 4.4 Mengenali dan mengetahui fungsi penggunaan alat, bahan, media dan teknik dalam penghasilan karya atau produk.
- 4.5 Mengaplikasi kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif secara berterusan semasa proses penghasilan portfolio dan karya atau produk.
- 4.6 Mengaplikasi aspek formal dalam penghasilan portfolio, karya atau produk dan menggunakan Bahasa Seni Visual dalam membuat apresiasi.
- 4.7 Menghasilkan karya atau produk berkualiti sejajar dengan keperluan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) untuk dijadikan asas pembentukan kerjaya.
- 4.8 Memelihara dan menghargai khazanah bangsa dalam konteks perkembangan budaya kebangsaan.
- 4.9 Mengamalkan nilai murni dan penghargaan.

5.0 RASIONAL PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KAJIAN REKAAN SENI VISUAL BERASASKAN ELEMEN, ASPEK DAN KRITERIA PENSKORAN

- 5.1 Mengukur konstruk pengetahuan, kemahiran dan nilai.
- 5.2 Membolehkan guru mengetahui kekuatan dan kelemahan murid serta berbincang dan membuat penambahbaikan untuk mencapai skor yang terbaik.
- 5.3 Murid mempunyai peluang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penghasilan portfolio, karya atau produk dengan bimbingan guru.
- 5.4 Membolehkan guru membuat penilaian dan penskoran secara berterusan sepanjang kerja kursus dilaksanakan.
- 5.5 Membolehkan guru menentukan skor dan gred muktamad yang dicapai oleh calon pada akhir pentaksiran.

6.0 MAKLUMAT AM

- 6.1 Kerja kursus ini **wajib** dilaksanakan oleh calon yang mengambil Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual di peringkat SPM bagi sekolah bantuan penuh kerajaan atau swasta.
- 6.2 Tempoh pelaksanaan kerja kursus dari bulan **Mei** hingga bulan **November** dalam tahun semasa peperiksaan.
- 6.3 Dokumentasi serta catatan bukti kajian boleh ditulis sama ada menggunakan **tulisan tangan** atau **cetakan komputer**.
- 6.4 Semua bukti kajian, lakaran proses dalam portfolio serta hasil karya atau produk hendaklah dihasilkan sendiri oleh calon.
- 6.5 Pihak sekolah hendaklah bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas serta ruang yang kondusif dalam pelaksanaan kerja kursus.
- 6.6 Pengetua hendaklah membuat pengesahan hasil portfolio, karya atau produk calon.

7.0 ARAHAN KEPADA CALON

- 7.1 Calon dikehendaki memilih **satu** daripada empat tugas yang diberikan dengan membuat kajian portfolio dan penghasilan karya atau produk.
- 7.2 Kerja Kursus Rekaan Seni Visual hendaklah **dilaksanakan dalam tahun semasa peperiksaan**.
- 7.3 Calon dikehendaki melaksanakan kerja kursus ini secara **individu** dari bulan **Mei** hingga bulan **November**.
- 7.4 Dokumentasi serta catatan bukti kajian boleh ditulis **tangan** atau menggunakan **komputer**.
- 7.5 Semua bukti kajian, lakaran proses dan hasil rekaan hendaklah **asli** dan tidak ditiru daripada mana-mana sumber.
- 7.6 Portfolio hendaklah dihasilkan menggunakan kertas berukuran lebih kurang 28 cm × 38 cm.
- 7.7 Calon hendaklah mendapat **bimbingan guru mata pelajaran** dalam pemilihan tugas.
- 7.8 Calon hendaklah mendapatkan **pengesahan** daripada guru pembimbing setiap kali sesi perbincangan dengan mendapatkan **tandatangan guru** berserta **tarikh**.
- 7.9 Sekolah akan mengeluarkan **sijil** bagi calon yang telah berjaya melaksanakan kerja kursus. Calon yang mendapat Gred Cemerlang dan Baik sahaja akan dicatatkan di dalam sijil. Tiada catatan bagi calon yang mendapat Gred Memuaskan, Sederhana dan Pencapaian Minimum.
- 7.10 Lakaran yang menggunakan **cetakan komputer sepenuhnya** dihadkan kepada **tiga hingga lima** helai sahaja.
- 7.11 Calon boleh menggunakan **pelbagai media** untuk lakaran kajian.
- 7.12 Hasil kerja calon hendaklah dilakukan secara **manual**. Calon **tidak** dibenarkan mengguna teknik **kolaj** sepenuhnya.
- 7.13 Portfolio hendaklah dijilid.
- 7.14 **Penilaian proses kerja** calon hendaklah dicatatkan di dalam **Borang Perkembangan Kerja Calon (BPKC)** sepanjang tempoh pelaksanaan kerja kursus.
- 7.15 Penghasilan karya atau produk hendaklah berdasarkan maklumat dan kajian yang telah dilakukan oleh calon di dalam portfolio.
- 7.16 Calon hendaklah melaksanakan tugas mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan mengikut bidang yang dipilih.
- 7.17 Calon hendaklah menulis nama, nombor kad pengenalan, nombor pusat, angka giliran, nombor tugas dan mendapatkan tanda tangan guru di muka hadapan portfolio serta produk.

8.0 ARAHAN KEPADA GURU PEMBIMBING

- 8.1 **Memaklumkan** kepada calon **arahan** melaksanakan kerja kursus.
- 8.2 **Memberi taklimat** kepada calon tentang perincian tugas.
- 8.3 **Membimbing** calon dalam pemilihan tugas.
- 8.4 **Memberi penerangan** kepada calon tentang **aspek** dan **kriteria penskoran** serta **gred**.
- 8.5 **Membimbing, menyelia, memantau** dan **merekod** pencapaian calon dari semasa ke semasa **sepanjang** pelaksanaan kerja kursus.
- 8.6 **Penilaian** kerja calon dilakukan secara **berterusan** dan guru hendaklah **merekodkan dalam Borang Perkembangan Kerja Calon (BPKC)** serta memaklumkan pencapaian semasa kepada calon.
- 8.7 Dokumentasi kajian penghasilan portfolio, karya atau produk dalam setiap tugas kerja calon yang telah disemak oleh guru pembimbing akan dipantau dan diselaraskan oleh pentaksir luar yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan.

9.0 BIDANG CAKUPAN

Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) mengandungi empat bidang cakupan iaitu bidang Seni Halus, Reka Bentuk, Seni Kraf dan Komunikasi Visual.

Berdasarkan empat bidang tersebut terdapat 15 tajuk yang boleh dikemukakan sebagai tugas tetapi hanya **empat tugas** sahaja akan diajukan kepada calon dalam tahun semasa.

Tugas yang dikemukakan kepada calon meliputi tajuk-tajuk berikut:

BIL	BIDANG	TAJUK
1	Seni Halus	1. Lukisan 2. Catan 3. Arca 4. Cetakan
2	Reka Bentuk	1. Reka Bentuk Landskap 2. Reka Bentuk Hiasan Dalaman 3. Reka Bentuk Industri
3	Seni Kraf	1. Seni Anyaman 2. Seni Batik 3. Seni Seramik 4. Seni Sulaman 5. Seni Tekat 6. Seni Ukiran
4	Komunikasi Visual	1. Seni Reka Grafik 2. Seni Foto

Pecahan tugas yang akan diberikan kepada calon adalah seperti berikut:

Bidang Seni Halus	: 1 Tugas
Bidang Reka Bentuk	: 1 Tugas
Bidang Kraf	: 1 Tugas
Bidang Komunikasi Visual	: 1 Tugas

10.0 ELEMEN DAN ASPEK YANG DINILAI

10.1 Elemen

Kerja Kursus Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) Pendidikan Seni Visual (2611/3) mengandungi **dua elemen** iaitu **Portfolio** dan **Karya atau Produk**.

Penilaian KRSV adalah berdasarkan kerja akhir yang terdiri daripada portfolio dan penghasilan karya atau produk.

Proses penghasilan karya atau produk hendaklah dibuktikan di dalam portfolio yang mengandungi kajian pewujudan, pengolahan dan penerokaan idea.

Portfolio dan penghasilan karya atau produk TIDAK BOLEH dinilai secara berasingan. Karya atau produk akhir hendaklah disokong penuh dengan dokumen portfolio kajian yang dihasilkan oleh calon.

Portfolio kajian calon hendaklah mengandungi:

ASPEK	ELEMEN
Pewujudan Idea - Isu / permasalahan - Kajian / maklumat - Sumber ilham	1. Memahami kehendak tugas, boleh membuat lakaran dan mampu membuat kajian secara terperinci dan relevan. 2. Pemilihan sumber ilham yang tepat dan bersesuaian serta memenuhi kehendak kajian.
Pengolahan Idea - Lukisan realistik - Olahan / perkembangan idea - Reka letak / komposisi - Cadangan karya / produk akhir	1. Boleh melukis dan mampu mengolah idea baharu secara kreatif dan analitik (mendalam). 2. Boleh membuat olahan dengan pelbagai media mengikut urutan yang lengkap dan tepat. 3. Boleh membuat catatan dan penerangan pada kajian dan lakaran yang dihasilkan secara terperinci. 4. Keaslian idea dan pengekal identiti.
Penerokaan Idea - Media / bahan dan teknik - Kajian teknik & bahan - Kajian warna	1. Mahir mempelbagaikan penggunaan alat dan media / bahan serta teknik secara sistematik dan bertepatan dengan tajuk. 2. Mahir dan berkebolehan mengaplikasikan warna yang bersesuaian dan menarik. 3. Menguasai dan mahir menggunakan media dan teknik semasa proses penghasilan portfolio, hasil karya atau produk dengan cemerlang.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

ASPEK	ELEMEN
Penghasilan Karya Atau Produk - Proses penghasilan - Hasil akhir	1. Berupaya mempelbagaikan teknik dan proses dengan betul secara kreatif dan sistematik 2. Mahir mempelbagaikan penggunaan alat dan bahan dengan betul. 3. Berkebolehan menghasilkan karya atau produk mengikut kehendak tugas, menepati spesifikasi dan berkualiti.
Nilai Dan Apresiasi - Komitmen - Portfolio bermaklumat	1. Kemasan yang menepati dan bersesuaian mengikut kriteria dan kreatif. 2. Komited, kreatif dan sistematik semasa menghasilkan tugas. 3. Portfolio disokong dengan catatan yang relevan dengan kajian.

Penghasilan karya atau produk hendaklah dilaksanakan berdasarkan:

- 10.1.1 Tajuk dan situasi dalam tugas.
- 10.1.2 Kajian dan cadangan hasil kerja seperti dalam portfolio.
- 10.1.3 Media dan Bahan yang ditetapkan dalam portfolio kajian.
- 10.1.4 Proses dan teknik seperti yang dinyatakan dalam portfolio kajian.
- 10.1.5 Penghasilan secara manual.
- 10.1.6 Kemasan dan persembahan.

10.2 Aspek

- 10.2.1 Pewujudan Idea
- 10.2.2 Pengolahan Idea
- 10.2.3 Penerokaan Idea
- 10.2.4 Penghasilan Karya atau Produk
- 10.2.5 Nilai dan Apresiasi

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

11.0 SISTEM PENILAIAN

11.1 Pencapaian

Tahap pencapaian calon akan ditentukan berdasarkan kriteria penskoran dan penggredan.

11.2 Skor

- 11.2.1 Calon yang telah mendaftar tetapi tidak pernah hadir dalam sesi perbincangan dengan guru, tidak melaksanakan tugas, tidak membuat portfolio kajian dan tidak menghasilkan karya atau produk akan dikira **tidak hadir (TH)**.
- 11.2.2 Calon **diwajibkan menyempurnakan dua elemen tugas serentak iaitu portfolio dan karya atau portfolio dan produk**. Jika salah satu elemen gagal disempurnakan maka tugas tersebut dikira tidak lengkap. Calon ini dianggap tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 11.2.3 Jika calon **menghantar portfolio** sahaja, calon hanya **layak mendapat markah portfolio**.
- 11.2.4 Jika calon **menghantar karya atau produk sahaja**, calon **tidak layak mendapat sebarang markah**.
- 11.2.5 Markah yang dicapai oleh calon bagi setiap aspek akan dijadikan skor (%) dan direkodkan dalam **Borang Perkembangan Kerja Calon (BPKC)**. Sekolah akan mengeluarkan sijil bagi calon yang telah berjaya melaksanakan kerja kursus. Calon yang mendapat Gred Cemerlang dan Baik sahaja akan dicatatkan di dalam sijil. Tiada catatan bagi calon yang mendapat Gred Memuaskan, Sederhana dan Pencapaian minimum.
- 11.2.6 Markah keseluruhan kerja kursus menentukan gred pencapaian calon. Gred pencapaian calon dicatatkan dalam Borang Markah Calon berdasarkan jadual di bawah:

GRED PENCAPAIAN	MARKAH KESELURUHAN (%)
CEMERLANG	81 - 100
BAIK	61 - 80
MEMUASKAN	41 - 60
KURANG MEMUASKAN	21 - 40
LEMAH	1 - 20

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

12.0 PENENTUAN SKOR

Penentuan skor calon berdasarkan kriteria penskoran seperti jadual di bawah:

PERKARA	JULAT MARKAH	KRITERIA
1. PEWUJUDAN IDEA	9 - 10	Memahami kehendak tugas, boleh membuat lakaran dan mampu membuat kajian secara terperinci, relevan dan cemerlang. Pemilihan sumber ilham yang tepat dan bersesuaian serta memenuhi kehendak kajian.
	7 - 8	Memahami kehendak tugas dan berkebolehan membuat kajian dengan baik dan relevan. Sumber ilham yang dipilih bertepatan dengan kehendak kajian.
	5 - 6	Memahami kehendak tugas dan berkebolehan membuat kajian yang memuaskan. Pemilihan sumber ilham yang bersesuaian dengan kajian.
	3 - 4	Memahami kehendak tugas dan berkebolehan membuat kajian secara asas. Pemilihan sumber ilham yang kurang menepati kehendak kajian.
	1 - 2	Tidak memahami kehendak soalan. Kajian dan pemilihan sumber idea yang lemah.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

PERKARA	JULAT MARKAH	KRITERIA
2. PENGOLAHAN IDEA	29 - 35	Idea yang asli, jelas dan mempunyai identiti tersendiri serta boleh mengolah motif kepada idea baharu dengan cemerlang. Tahap imaginasi yang relevan, kreatif dan analitik. Catatan dan penerangan pada kajian serta lakaran yang dihasilkan secara terperinci.
	22 - 28	Idea yang asli dan mempunyai identiti tersendiri serta boleh mengolah motif kepada idea baharu dengan baik. Tahap imaginasi yang baik, kreatif dan relevan. Catatan dan penerangan pada kajian serta lakaran jelas.
	15 - 21	Idea yang asli dan boleh mengolah idea baharu dengan baik. Tahap imaginasi yang memuaskan. Catatan dan penerangan pada kajian serta lakaran adalah ringkas.
	8 - 14	Idea dan olahan motif yang terhad. Tahap imaginasi yang sederhana. Catatan dan penerangan pada kajian serta lakaran kurang menepati kehendak tugas.
	1 - 7	Olahan motif lemah, tiada catatan dan penerangan pada kajian imaginasi lemah. Olahan motif dan rupa secara asas sahaja. Tidak memenuhi kriteria tugas.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

PERKARA	JULAT MARKAH	KRITERIA
3. PENEROKAAN IDEA	21 - 25	Mahir mengaplikasi penggunaan bahasa seni visual. Mempelbagai penggunaan alat, bahan dan teknik dengan cemerlang, sistematik, menarik, dan relevan. Menggunakan pelbagai bidang ilmu ketika membuat penerokaan dengan cemerlang.
	16 - 20	Boleh mengaplikasi penggunaan bahasa seni visual. Mempelbagai penggunaan alat, bahan dan teknik dengan baik, menarik, dan relevan. Menggunakan pelbagai bidang ilmu ketika membuat penerokaan dengan baik.
	11 - 15	Boleh mengaplikasi penggunaan bahasa seni visual. Mempelbagai penggunaan alat, bahan serta teknik dengan baik dan relevan. Menggunakan secara terhad pelbagai bidang ilmu ketika membuat penerokaan.
	6 - 10	Penggunaan bahasa seni visual, alat, bahan serta teknik yang terhad. Lemah dalam menghubungkan pelbagai ilmu lain dalam membuat penerokaan idea.
	1 - 5	Lemah dalam penggunaan bahasa seni visual, alat, bahan dan teknik dalam penerokaan idea.

PERKARA	JULAT MARKAH	KRITERIA
4. PENGHASILAN KARYA ATAU PRODUK	21 - 25	Hasil karya atau produk yang cemerlang, mengikut kehendak tugas dan menepati spesifikasi serta berkualiti. Mempelbagai teknik dan proses dengan cemerlang, kreatif dan sistematik. Mempelbagai penggunaan alat dan bahan dengan betul dan tepat.
	16 - 20	Hasil karya atau produk yang baik, mengikut kehendak tugas dan menepati spesifikasi serta berkualiti. Mempelbagaikan teknik dan proses dengan baik, kreatif dan sistematik. Penggunaan alat dan bahan dengan betul.
	11 - 15	Hasil karya atau produk mengikut kehendak soalan dan menepati spesifikasi. Penggunaan teknik, proses, alat dan bahan secara terhad.
	6 - 10	Hasil karya atau produk mengikut kehendak soalan tetapi kurang menepati spesifikasi. Penggunaan teknik, proses, alat dan bahan secara asas.
	1 - 5	Lemah dalam menghasilkan karya atau produk dan tidak mengikut spesifikasi serta kehendak soalan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

PERKARA	JULAT MARKAH	KRITERIA
5. NILAI DAN APRESIASI	5	Kemasan yang menepati dan bersesuaian mengikut kriteria dan kreatif. Komited, kreatif dan sistematik semasa menghasilkan tugas. Portfolio mengandungi maklumat yang relevan lengkap dan tepat.
	4	Kemasan yang baik dan mengikut kriteria. Komited dan bersistematik semasa menghasilkan tugas. Portfolio mengandungi maklumat yang relevan dan lengkap.
	3	Berminat dan menghasilkan tugas dengan baik. Portfolio mengandungi maklumat yang relevan.
	2	Berminat untuk menghasilkan tugas tetapi kurang memuaskan. Portfolio mengandungi maklumat tetapi terhad.
	1	Kurang berminat dan hasil tugas tidak berkualiti. Portfolio tidak bermaklumat.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

LAMPIRAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN

**PENDIDIKAN SENI VISUAL
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL 2611/3**

BORANG PERKEMBANGAN KERJA CALON

NAMA CALON : _____
NO. K/PENGENALAN : _____
ANGKA GILIRAN : _____
NAMA SEKOLAH : _____
NO. TUGASAN : _____
TAJUK : _____

MARKAH
KESELURUHAN

Bil.	Aspek	Markah Progres						Jumlah	Markah Penuh	Skor %
		Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai			
1	Pewujudan Idea								10	
2	Pengolahan Idea								35	
3	Penerokaan Idea								25	
4	Penghasilan Karya atau Produk								25	
5	Nilai dan Apresiasi								5	
JUMLAH MARKAH									100	
GRED PENCAPAIAN										

Tandatangan Calon

Tandatangan Guru Penilai



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN

PENDIDIKAN SENI VISUAL
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL 2611/3

BORANG PERKEMBANGAN KERJA CALON

NAMA CALON : MOHD HAFIZ BIN MURAD
 NO. K/PENGENALAN : 040404 04 4321
 ANGKA GILIRAN : A 12345
 NAMA SEKOLAH : SMK MURIDAN
 NO. TUGASAN : 1
 TAJUK : ARCA

MARKAH
KESELURUHAN

77

Bil.	Aspek	Markah Perkembangan						Jumlah	Markah Penuh	Skor %
		Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai			
1	Pewujudan Idea	1	2	5	6	7	8	8	10	80
2	Pengolahan Idea	3	8	13	18	20	26	26	35	83
3	Penerokaan Idea	2	6	10	16	19	19	19	25	80
4	Penghasilan Karya atau Produk	-	-	-	3	10	20	20	25	80
5	Nilai dan Apresiasi	-	-	-	1	2	4	4	5	80
JUMLAH MARKAH								77	100	
GRED PENCAPAIAN								BAIK		

Tandatangan Calon

Tandatangan Guru Penilai



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MURIDAN
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA


Dengan ini diperakui bahawa
MOHD HAFIZ BIN MURAD
(Nama calon)

040404 04 4321
(No. Kad Pengenalan)

telah menyempurnakan tugas

KAJIAN REKAAN SENI VISUAL SPM

pada tahun
2021
(Tahun)



Memperolehi Gred
CEMERLANG

Tandatangan

*Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan
Muridan*

CONTOH SIJIL CALON YANG BERJAYA MENYEMPURNAKAN TUGASAN
TETAPI TIDAK MENCAPAI GRED BAIK DAN CEMERLANG



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MURIDAN


KAJIAN REKAAN SENI VISUAL

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Dengan ini diperakui bahawa
MOHD HAFIZ BIN MURAD
(Nama calon)

040404 04 4321
(No. Kad Pengenalan)

telah menyempurnakan tugas
KAJIAN REKAAN SENI VISUAL SPM
pada tahun
2021
(Tahun)




Tandatangan
Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan
Muridan

CONTOH PORTFOLIO

Berikut ialah contoh Portfolio sebagai panduan kepada pelajar. Portfolio ini boleh dihasilkan dengan pelbagai cara mengikut kreativiti (lihat kriteria penskoran). Portfolio ialah dokumentasi yang menjadi bukti kepada hasil akhir pelajar.

PROSES PEWUJUDAN IDEA



[Lihat halaman sebelah
TERHAD

PROSES PENEROKAAN IDEA

Penerokaan Idea: Eksplorasi Bahan Mambatik

• Kain yang dipukul untuk menghasilkan motif batik.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Eksplorasi Teknik Mewarna Batik

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Eksplorasi Teknik Mewarna Batik

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Eksplorasi Teknik Mewarna Batik

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Kajian Warna

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Kajian Warna

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Kajian Warna

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

Penerokaan Idea: Lukisan & Gambar Foto Alat Dan Bahan Yang Digunakan


• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

• Teknik batik yang digunakan adalah teknik batik tulis.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

PROSES PENGHASILAN PRODUK



Produk akhir

CONTOH LAIN

